

Larian Amal Hasani kutip dana Tabung Food Bank Malaysia

Kuala Lumpur: Satu larian amal anjuran Hasani Group of Companies akan diadakan bulan depan bertujuan mengumpul dana untuk disumbangkan kepada Tabung Food Bank Malaysia.

Larian itu yang dijadualkan berlangsung pada 14 Disember di Dataran Merdeka, dilancarkan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, di sini, kelmarin.

Pada majlis itu, enam syarikat korporat menyumbang RM13,000 kepada Tabung Food Bank Malaysia.

Berucap pada majlis itu, Saifuddin Nasution berharap orang ramai menyertai larian berkena-

an bagi menjayakan inisiatif Kementerian untuk meringankan beban golongan memerlukan.

"Kami juga mengalu-alukan pembabitin pelbagai pihak untuk bekerjasama dengan Yayasan Food Bank Malaysia (YFBM) bagi menjalankan misi Kementerian menyelamatkan lebihan makanan dan dan membantu mereka yang kurang bernasib baik," katanya.

Beliau juga percaya semangat sukarelawan dapat dibentuk menerusi program itu.

"Saya berharap inisiatif seperti ini dapat diperluaskan dengan pembabitin lebih banyak pihak pada masa akan datang," katanya.



Saifuddin Nasution bersama Duta Larian Amal Hasani Charity Run 2019, Datuk Rosyam Nor pada majlis pelancaran larian itu di Kuala Lumpur, kelmarin.